



سكوله منعه سائين س كويبعه قاسو

SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU

(SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI)

BATU 19, JALAN KODIANG,

06000 JITRA,

KEDAH DARUL AMAN.

No.Tel. : 04-925 7855

No.Faks. : 04-925 7844

Emel. : KEA4068@moe.edu.my

Kod Sekolah : KEA 4068



Ruj.Kami:KUP SIS.700-6/1/1

Tarikh: 27 Mac 2023

**Ibu bapa / Waris dan Murid
SM Sains Kubang Pasu**

YBhg.Dato/Datin/YBrs.Dr/Tuan/Puan,

KEBENARAN MURID PULANG BERMALAM (PB) SEMPENA BULAN RAMADAN 2023

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa semua murid dibenarkan pulang bermalam(PB) dan kembali semula ke asrama mengikut ketetapan berikut:

Pulang Bermalam (PB)	Ting	Masa	Etika Pakaian
06 April 2023 Khamis	1	1.00 ptg – 1.30 ptg	Tingkatan 1 & 4 Baharu: Baju sekolah / Baju Batik
	2	1.30 ptg – 2.00 ptg	
	3	2.00 ptg – 2.30 ptg	Tingkatan 2 hingga 5: Baju Outing Seluar slack hitam Kasut hitam sekolah Bertudung hitam (perempuan)
	4	2.30 ptg – 3.00 ptg	
	5	3.00 ptg – 3.30 ptg	

Kembali ke Asrama	Ting	Masa	Etika Pakaian
08 April 2023 Sabtu	5	2.00 ptg – 2.30 ptg	Tingkatan 1 & 4 Baharu: Baju sekolah / Baju Batik
	4	2.30 ptg – 3.00 ptg	
	3	3.00 ptg – 3.30 ptg	Tingkatan 2 hingga 5: Baju Outing Seluar slack hitam Kasut hitam sekolah Bertudung hitam (perempuan)
	2	3.30 ptg – 4.00 ptg	
	1	4.00 ptg – 4.30 ptg	

Nota:

- Kenderaan ibubapa/waris dibenarkan masuk ke kawasan sekolah / asrama semasa proses mengambil dan menghantar anak/anak jagaan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah berharap tuan/puan mengambil sikap berhati-hati dalam pemanduan memandangkan murid-murid sekolah masih lagi berada dalam kawasan sekolah dan segera meninggalkan kawasan asrama apabila selesai urusan mengambil anak/anak jagaan masing-masing.
- Ibubapa/penjaga yang mempunyai anak di dua tingkatan berbeza boleh memilih salah satu masa yang ditetapkan.
- Kegagalan murid kembali ke asrama pada tarikh dan masa yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dikenakan tindakan disiplin.

- d. Murid-murid diingatkan supaya mematuhi etika pakaian yang ditetapkan. Tindakan disiplin akan diambil sekiranya tidak mematuhi etika pakaian yang ditetapkan.
- e. Membawa masuk barangan / peralatan yang tidak dibenarkan adalah satu kesalahan disiplin.
- f. Murid yang tinggal di luar negeri Kedah dibenarkan berada di asrama dan tidak pulang bermalam pada tarikh yang berkenaan. Mereka perlu memaklumkan warden tentang perkara ini.

3. Ibubapa/waris diharap dapat membuat perancangan perjalanan dengan sebaiknya bagi memastikan pergerakan murid pulang bermalam dan kembali ke asrama dapat berjalan dengan lancar dan selamat.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh hubungi En. Azami bin Man (Penolong Kanan HEM) di talian 019-4173310 , En.Ahmad Pauzi bin Awang (Ketua Warden Asrama) di talian 011-35732947, Cik Faridah bt Abdul Jabbar di talian 017-4573990 atau mana-mana warden asrama SM Sains Kubang Pasu.


Kerjasama YBhg.Dato/Datin/YBrs.Dr/tuan/puan berhubung dengan perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(**NAZRI BIN MOHD MUHSIN**)

Pengetua

Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu

s.k Yang Dipertua
Persatuan Ibubapa dan Guru
Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu